

Headline Teguk air mayat  
Date 15 Aug 2011  
MediaTitle Harian Metro  
Section Setempat  
Journalist N/A  
Frequency Daily  
Circ / Read 324,097 / 1,981,000

Language Malay  
Page No 1,4  
Article Size 498 cm<sup>2</sup>  
Color Full Color  
ADValue 14,320  
PRValue 42,960



Untuk ubati HIV, ketagihan dadah

# Teguk air mayat

> “Ada yang secara sembunyi-sembunyi menadah air mandian jenazah untuk tujuan mengubati penyakit HIV dan ketagihan dadah,” kata Mohd Ariff Tengah, 35, yang mendakwa menerima banyak permintaan daripada waris dan individu untuk mendapatkan air mandian jenazah.

Lapor Nazdy Harun

muka 4



**KOTOR...**  
Mohd Ariff menunjukkan contoh air jenazah dan kain kafan yang diminta oleh waris si mati.

## Minum air mayat

Curi air mandian jenazah di bawah rumah kononnya dijadikan ubat ketagih dadah

>>Oleh Nazdy Harun

am@hmetro.com.my

**K**UALA TERENGGANU: Gara-gara terpengaruh dengan perkara tahyul, ada individu negeri ini dikesan mencuri dan mengambil bekas air mandian jenazah dan lebih kain kafan kononnya untuk dijadikan ubat merawat pelbagai penyakit termasuk mengatasi masalah ketagihan dadah.

Perbuatan khurafat itu didedahkan Pengurus Pusat Urusan Jenazah Islam, di sini, Mohd Ariff Tengah, 35, yang memberitahu dia menerima lebih 50 permintaan daripada waris dan individu tidak dikenalnya untuk mendapatkan bekas air mandian itu

Headline **Teguk air mayat**  
Date **15 Aug 2011**  
MediaTitle **Harian Metro**  
Section **Setempat**  
Journalist **N/A**  
Frequency **Daily**  
Circ / Read **324,097 / 1,981,000**

Language **Malay**  
Page No **1,4**  
Article Size **498 cm<sup>2</sup>**  
Color **Full Color**  
ADValue **14,320**  
PRValue **42,960**

sejak terbabit pengurusan jenazah 15 tahun lalu.

“Jumlah itu tidak termasuk yang datang secara sembunyi-sembunyi menadah air mandian jenazah di bawah rumah ketika proses mandi mayat.

“Kata mereka, air mayat itu boleh digunakan bagi

mengubati pelbagai penyakit termasuk jangkitan HIV dan ketagihan dadah. Perbuatan ini mengundang bahaya kerana air jenazah itu kotor dan mungkin mengandungi pelbagai bakteria atau kuman.

“Jadi, sekiranya ia digunakan sebagai ubat kepada individu yang masih hidup, tentu ia boleh mendatangkan jangkitan penyakit,” katanya yang juga perunding pengurusan jenazah Yayasan Islam Terengganu.

Mohd Ariff berkata, selain mencuri atau memin-ta air mandian jenazah, ada juga individu memin-ta lebih kain kafan yang diikat pada sebelah kepala

mayat kononnya untuk tujuan perubatan.

“Malah, ada juga individu atau waris yang datang berbisik memesan sesuatu kepada jenazah dan menyelit ayat suci al-Quran pada bawah jenazah sebagai bekalan kepada si mati untuk menghadapi alam kubur,” katanya yang kesal dengan perbuatan itu.

Seorang individu yang pernah mendapatkan air mandian jenazah dan hanya mahu dikenali sebagai Razali, 40, berkata dia berbuat demikian selepas seorang rakan memberitahu ia boleh mengubati masalah ketagihan dadah seorang saudaranya.

“Air itu dikatakan mujarab bagi mengubat seseorang yang ketagihan dadah dan penggunaannya sama ada diminum atau penagih terbabit dimandikan dengan air itu.

“Bagaimanapun, selepas beberapa kali menggunakannya, saya dapati tiada perubahan pada saudara

saya, malah dia menagih seperti biasa,” katanya yang menyesal dengan tindakannya.

Sementara itu, Timbalan Pengerusi Jawatankuasa Agama dan Penerangan Negeri, Muhammad Ramli Nuh, berkata perbuatan seperti itu melampau dan boleh menjejaskan akidah.

Beliau yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri Tepoh, berkata penggunaan air itu lebih kepada penggunaan air najis kerana orang yang menguruskan jenazah akan membersihkan keseluruhan badan termasuk jika ada najis pada jenazah terbabit.

“Perbuatan itu menjurus kepada khurafat dan merugikan umat Islam,” katanya.

Menurutnya, sebagai contoh air laut yang masin dijadikan Allah berguna untuk penyakit kulit dan kajian sudah membuktikannya, tetapi air mandian mayat mengandungi kuman dan boleh menjejaskan kesihatan sekiranya digunakan.



**MENGARUT... Mohd Ariff menunjukkan contoh kain kafan yang diminta individu tidak dikenalnya.**